KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	16.06.22	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	TNB			

Elak surcaj bil elektrik terlalu tinggi

SHAH ALAM - Kerajaan perlu memastikan kadar pelaksanaan surcaj ke atas bil elektrik bagi pengguna domestik tidak terlalu tinggi sekiranya ia dilakukan dalam masa terdekat agar tidak membebankan rakyat.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, pelaksanaan tersebut diharap tidak berlanjutan untuk jangka masa lama kerana dibimbangi akan memberi impak kepada kenaikan harga barangan lain.



MOHD YUSOF

Ujar beliau, kerajaan juga perlu mengadakan rundingan dengan negara-negara luar supaya dapat mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi perkara tersebut.

"Apabila (kadar pelaksanaan surcaj) melibatkan isu luar negara, ia sukar untuk kerajaan mengambil apa-apa tindakan melainkan isu-isu tempatan.

"Biasanya apa yang kerajaan lakukan adalah mengambil polisi-polisi sendiri dan sebagainya. Tetapi bila melibatkan isu luar negara, perkara-perkara itu sukar untuk dilakukan.

"Maksudnya tindakan itu perlu dilakukan bersama untuk dengan negara-negara lain bagi memastikan perkara melibatkan isu ekonomi tidak memberi kesan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Pada Rabu, media melaporkan bahawa pengguna domestik akan dikenakan pelaksanaan surcaj ke atas bil elektrik pada bulan depan berikutan peningkatan harga minyak akibat daripada konflik perang Rusia-Ukraine pada awal tahun ini.

Mengulas lanjut, Mohd Yusof berkata, rakyat juga perlu melakukan persediaan dari segi penggunaan elektrik agar pelaksanaan surcaj itu tidak memberi kesan besar kepada mereka.

"Kita sedia maklum bahawa dalam keadaan cuaca yang panas, memang penggunaan elektrik dalam kalangan rakyat itu akan bertambah.

"Cuma kita harap tindakan penjimatan dapat dilakukan supaya bila berlaku pelaksanaan surcaj itu sekurang-kurangnya ia tidak memberi kesan besar kepada pengguna," ujarnya.